



## **SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 12/2021 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa dengan berkuatkuasanya Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan), 2021; Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) (Bil. 1), 2021; dan Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) (Bil. 2), 2021, **pada 1hb Oktober 2021**, syarat-syarat kelayakan bagi mendapatkan pencen umur tua atau elaun-elaun kurang upaya, dan kadar elaun-elaun yang berkenaan telah dikemaskinikan menurut keterangan keterangan berikut:-.

### **A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UTAMA**

Syarat-syarat kelayakan utama bagi mendapat faedah di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya (Penggal 18) telah dipinda berdasarkan penggantian **bab 12**, seperti berikut:

**Bab 12.** (1) Pencen atau elaun tidak boleh diberikan atau kena dibayar menurut Akta ini melainkan jika —

- (a) orang yang diberikan pencen atau elaun tersebut —
  - (i) adalah warganegara Negara Brunei Darussalam;
  - (ii) adalah orang yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam dan tiada taraf kebangsaan; atau
  - (iii) adalah seorang penduduk tetap dan tiada taraf kebangsaan;
- dan
- (b) dia mengekalkan kehadiran fizikal di Negara Brunei Darussalam selama 183 hari atau lebih dalam suatu tempoh tertentu.



Bab 12(6) menyatakan "tempoh tertentu" bermakna tempoh selama 12 bulan yang bermula dari mana-mana satu yang berikut —

- (a) dari 1hb Januari dalam tahun apabila suatu tuntutan dibuat;
- (b) dari 1hb Januari dalam tahun sejurus sebelum tahun apabila suatu tuntutan dibuat.

(2) Pencen umur tua tidak boleh diberikan atau kena dibayar kepada mana-mana **penduduk tetap yang dilahirkan di luar Negara Brunei Darussalam dan tiada taraf kebangsaan** melainkan jika dia bermastautin di dalam Negara Brunei Darussalam bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya **20 tahun** sejurus sebelum tarikh apabila dia menjadi layak bagi pencen tersebut.

(3) Kehadiran fizikal di atau bermastautin di dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah termasuk apa-apa tempoh —

- (a) ketiadaan yang dihabiskan semasa berkhidmat di atas kapal yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam oleh seseorang yang telah tinggal di Negara Brunei Darussalam sebelum ketiadaannya kerana perkhidmatan itu;
- (b) yang dihabiskan semasa sebarang perkhidmatan di luar negara di bawah Kerajaan, atau sebagai isteri atau orang gaji seseorang dalam mana-mana perkhidmatan tersebut;
- (c) yang dihabiskan di luar negara oleh mana-mana orang ketika mana orang itu telah menyara atau membantu dalam menyara mana-mana tanggungan di Negara Brunei Darussalam;
- (d) yang dihabiskan di luar negara oleh mana-mana orang atas alasan kesihatan;
- (e) yang dihabiskan di luar negara oleh mana-mana orang bagi tujuan pendidikan.



## **B. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ELAUN BAGI ORANG BUTA, ELAUN BAGI KECELARUAN MENTAL, ELAUN PEMULIHAN (BAGI ORANG-ORANG YANG MENGHIDAP PENYAKIT KUSTA) DAN ELAUN KURANG UPAYA**

Syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan faedah Elaun bagi Orang Buta, Elaun bagi Kecelaruan Mental, Elaun Pemulihan (bagi orang-orang yang menghidap penyakit kusta) dan Elaun Kurang Upaya di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya (Penggal 18) juga telah dipinda berdasarkan penggantian **Peraturan-Peraturan 4, 5, 7 dan 8** dalam Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) (Bil. 2), 2021, seperti berikut:

- i. Syarat tidak dapat bekerja (*unable to work*) bagi penerima pencen buta dan pencen hilang upaya dalam Peraturan 4(b) (*Pensions and allowances for blind*) dan Peraturan 8(b) (*Disability Pensions*) sebelum ini, ditiadakan.
- ii. Bagi Elaun bagi Orang Buta, hendaklah diperakui oleh pengamal perubatan bahawa seseorang itu adalah orang yang buta mengikut Garispandu yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan melalui Peraturan 8C dari Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.
- iii. Bagi Elaun Kurang Upaya, hendaklah diperakui oleh pengamal perubatan bahawa seseorang itu adalah orang yang menghidap kurang upaya mengikut Garispandu yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan melalui Peraturan 8C dari Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya dan bahawa dia berkemungkinan menjadi kurang upaya itu selama suatu tempoh yang agak panjang.
- iv. Bagi Elaun bagi Kecelaruan Mental, hendaklah diperakui oleh pengamal perubatan sebagai orang yang menghidap kecelaruan mental mengikut Garispandu yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan melalui Peraturan 8C dari Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya dan di bawah dan dalam bidang makna peruntukan-peruntukan Perintah Kesihatan Mental, 2014, sama ada ditahan di suatu kemudahan psikiatri atau diserahkan kepada tanggungjawab dan jagaan mana-mana saudara atau rakan.



- v. Bagi Elaun Pemulihan (bagi orang-orang yang menghidap penyakit kusta), hendaklah diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pengamal Perubatan Kerajaan sebagai orang yang menghidap penyakit kusta dan menjalani rawatan perubatan sebagaimana dikehendaki oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pengamal Perubatan Kerajaan.

### C. ELAUN PENYEDIA PENJAGAAN (*CARE PROVIDER ALLOWANCE*)

- i. Peraturan 8A dari Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya memperkenalkan Elaun Penyedia Penjagaan (*Care Provider Allowance*) pada jumlah **\$250.00 sebulan sahaja** bagi penerima Elaun bagi Orang Buta, Elaun bagi Kecelaruan Mental, Elaun Pemulihan (bagi orang-orang yang menghidap penyakit kusta) dan Elaun Kurang Upaya; dan ada suatu keperluan untuknya mempunyai seorang penyedia penjagaan.
- ii. Ini adalah **mengganti Elaun Tanggungan (*Dependant Allowance*)** yang sebelum ini diberikan bagi tanggungan-tanggungan penerima Pencen Buta, Elaun Bercelaru Mental dan Elaun Penyakit Kusta pada jumlah \$113.00 (di bawah 15 tahun) atau \$188.00 (15 tahun ke atas).
- iii. Peraturan 8A(3) menyatakan seseorang adalah layak untuk menjadi penyedia penjagaan jika dia berumur sekurang-kurangnya 16 tahun dan telah ditetapkan oleh Pengawal Pencen sebagai seorang yang layak untuk menerima elauan penyedia penjagaan itu. Bagi maksud ini, Peraturan 8B dari Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya memberi kuasa kepada Pengawal Pencen untuk mengeluarkan garispandu untuk menetapkan sama ada syarat-syarat berkanun dipenuhi,. Elaun penyedia penjagaan hendaklah kena dibayar hanya untuk seorang penyedia penjagaan sahaja bagi tiap-tiap penerima mana-pencen dan elauan.

...../5



#### D. FAEDAH LEBIH DARI SATU

Bab 20 dari Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya (Penggal 18) sebelum ini yang **menegahkan pemberian lebih dari satu faedah** dimansuhkan dan diganti dengan bab 20 yang baru. Dengan pindaan baru, memberikan dua faedah iaitu Pencen Umur Tua disamping Elaun Buta, Elaun Kecelaruan Mental, Elaun Pemulihan (bagi orang-orang yang menghidap penyakit kušta), Elaun Kurang Upaya atau Elaun Penyedia Penjagaan, apabila sesudah mencapai usia 60 tahun.

#### E. KADAR PENCEN ATAU ELAUN

Perenggan 5 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/1998 bertarikh 12 Rabiulawal 1419 bersamaan 23 Julai 1998 adalah dipinda berdasarkan penggantian Jadual dalam Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) (Bil.2), 2021 seperti berikut:

A	Pencen atau elaun	Kadar sebulan
i)	Pencen umur tua	\$250
ii)	Elaun bagi orang buta — (a) berkaitan dengan orang yang berumur di bawah 15 tahun	\$150
	(b) berkaitan dengan orang yang telah mencapai umur 15 tahun	\$250
iii)	Elaun bagi kecelaruan mental — (a) berkaitan dengan orang yang berumur di bawah 15 tahun	\$150
	(b) berkaitan dengan orang yang telah mencapai umur 15 tahun	\$250
iv)	Elaun pemulihan — (a) berkaitan dengan orang yang berumur di bawah 15 tahun	\$150
	(b) berkaitan dengan orang yang telah mencapai umur 15 tahun	\$250



- v) Elaun kurang upaya —
  - (a) berkaitan dengan orang yang berumur di bawah 15 tahun \$150
  - (b) berkaitan dengan orang yang telah mencapai umur 15 tahun \$250
- vi) Elaun penyedia penjagaan \$250

Dengan ini, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/2006 bertarikh 18 Ramadhan 1427 bersamaan 11 Oktober 2006 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2018 bertarikh 19 Jamadilakhir 1439 bersamaan 7 Mac 2018 adalah dibatalkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**"Kedayaatahanan Ekonomi Menjamin Masa Depan"**

**[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan, BA1000  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (12)JPM/SK/2021  
Tarikh : 8 Jamadilawal 1443  
13 Disember 2021